

PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO DALAM GERAKAN KOPERASI DI MALAYSIA

Ruzilah Abd Malek, Ahmad Faizal Shaarani Mohd. Shahron Anuar Said

Azmaliza Arifin*, Intan Nur Azreen Mohamad Radzi

Maktab Koperasi Malaysia

ABSTRAK

Pengurusan risiko bagi sektor awam di Malaysia telah menjadi aspek penting dalam memastikan sesebuah organisasi mempunyai tadbir urus yang cekap, berkesan dan telus bagi menjamin pembangunan yang berterusan. Amalan pengurusan risiko yang berkesan di koperasi dapat mengawal atau mengurangkan tahap kerugian yang dialami oleh sesebuah koperasi. Sehubungan itu, kajian pengurusan risiko telah dilaksanakan terhadap 40 koperasi Tier 1 dan Tier 2 di Malaysia. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti profil koperasi Tier 1 dan Tier 2 di Malaysia; mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan pengurusan risiko di koperasi, mengenal pasti kesedaran pihak pengurusan terhadap pelaksanaan pengurusan risiko dikoperasi dan mengenal pasti hubungan antara kesedaran pihak pengurusan terhadap keberkesanan pengurusan risiko di koperasi. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan perisian SPSS versi 21 bagi analisis statistik seperti deskriptif, kolerasi dan regresi. Sebanyak 194 (78%) borang soal selidik diperolehi daripada responden yang terdiri daripada pengurus besar, pengurus dan eksekutif pengurusan atasan koperasi yang terlibat dalam mesyuarat pengurusan atasan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pengurusan risiko adalah lebih baik dalam kalangan koperasi Tier 1 berbanding Tier 2 kerana koperasi Tier 1 berimpak besar. Maka kesedaran koperasi Tier 1 adalah lebih tinggi berbanding Tier 2.

Kata Kunci: *Koperasi, Pengurusan Risiko, Keberkesanan, Kesedaran*

*E-mel penulis: azmaliza@mkm.edu.my

PENGENALAN

Sektor koperasi di Malaysia perlu membuat persediaan awal bagi menghadapi risiko terutamanya dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu sama ada risiko perniagaan mahupun risiko pengurusan. Setiap koperasi perlu menetapkan matlamat dalam merealisasikan visi dan misi untuk memastikan bahawa segala unsur yang berkaitan adalah tersedia bagi mengurus pelbagai risiko yang timbul daripada persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah. Sama ada ia risiko strategik, kredit, pasaran, kecairan atau operasi, koperasi sentiasa melaksanakan usaha yang berterusan dalam mengekalkan budaya pengurusan risiko yang teguh dan rangka kerja pengurusan risiko yang bersepadu untuk merebut semua peluang dalam menangani pelbagai ancaman.

Berdasarkan tadbir urus yang efektif, akan dapat memastikan koperasi diurus dengan cara berhemah dan mantap. Ia boleh menjadi kesinambungan dalam aktiviti pengambilan risiko dengan berhemat dalam perniagaan koperasi bagi memaksimumkan pulangan kepada anggota dan melindungi kepentingan semua pihak. Dengan menerapkan unsur-unsur disiplin dan telus dalam amalan tadbir urus akan menjamin akauntabiliti korporat dalam sektor koperasi. Oleh itu, koperasi bertanggungjawab memastikan dasar pengurusan risiko yang komprehensif dan berkesan, proses-proses dan infrastruktur untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal pelbagai risiko-risiko yang terlibat. Dalam hal ini, ALK perlu melulus dan menyemak keupayaan pengurusan risiko dari semasa ke semasa bagi memastikan ia dapat menyokong perniagaan koperasi secara berterusan.

PENGURUSAN RISIKO KOPERASI DI MALAYSIA

Kajian mengenai pelaksanaan pengurusan risiko koperasi perlu diberi perhatian dan dikaji untuk memastikan koperasi terus berjaya mencapai matlamat dalam menjana pendapatan yang tinggi. Kebanyakan koperasi di Malaysia masih kurang mengamalkan pengurusan risiko dalam tadbir urus koperasi. Justeru, pada tahun 2012, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengambil langkah mewujudkan satu rangka kerja dan penilaian untuk memastikan koperasi melaksanakan aktiviti yang kukuh terutama dari aspek kewangan. Selain itu, rangka kerja ini diwujudkan bagi memastikan koperasi mempunyai tadbir urus dan pengurusan risiko yang mantap bagi menguruskan risiko kecairan dan risiko kredit secara berkesan.

SKM melancarkan produk penyeliaan Penilaian Risiko Koperasi (PRISKOP) iaitu kaedah bagi mengawal selia koperasi melalui penarafan risiko yang akan memberi manfaat kepada gerakan koperasi di Malaysia serta membimbing koperasi berdepan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, meramalkan risiko perniagaan dan pengurusan. ALK dan pihak pengurusan koperasi

sewajarnya mengambil langkah awal untuk memastikan keselamatan dalam menguruskan koperasi (infrastruktur, modal insan dan rangka kerja). Kepesatan dalam aktiviti koperasi turut memerlukan pengurusan dalam risiko dan diurus dengan lebih cekap dan berstrategi serta melindungi kepentingan para anggotanya.

Berdasarkan pertumbuhan pesat bilangan koperasi di negara ini yang mencecah 13,247 koperasi dengan keanggotaan 7,025,127 (perangkaan am koperasi pada 30 Jun 2016, SKM) yang terdiri daripada pelbagai jenis, saiz, dan darjah kerumitan merupakan suatu cabaran bagi pihak SKM untuk membuat pemantauan, menyelia dan mengawal selia koperasi dan sektor koperasi. Menurut pihak SKM, Rangka Kerja Penyeliaan Koperasi (RKPK) melalui PRISKOP merupakan suatu langkah persediaan dalam membantu koperasi menghadapi ekonomi yang tidak menentu. Di bawah RKPK (2012), koperasi – koperasi dibahagikan kepada tiga (3) kategori:

- i. **Koperasi Tier 1: koperasi yang mempunyai impak besar** – koperasi yang bersaiz besar dan terus berkembang dari segi aset, liabiliti, perolehan, modal dan saiz anggota, mewakili komuniti yang unik dan bersifat nasional, darjah kompleks operasi tinggi termasuk mempunyai rangkaian subsidiari yang meluas, menceburi pelbagai kegiatan ekonomi dan sentiasa mendapat perhatian umum.
- ii. **Koperasi Tier 2: koperasi yang memberi impak sederhana** – koperasi yang bersaiz sederhana dari segi aset, liabiliti, saiz anggota, perolehan dan modal, memberi perkhidmatan untuk kelompok tertentu, darjah kekompleksan adalah sederhana, mempunyai bilangan kecil subsidiari jika ada dan mempunyai satu atau dua kegiatan ekonomi.
- iii. **Koperasi Tier 3: koperasi yang mempunyai impak kecil** – koperasi yang bersaiz kecil dari segi aset, liabiliti, saiz anggota, perolehan dan modal, memberi perkhidmatan untuk kelompok tertentu, darjah kekompleksan adalah rendah, lazimnya tidak mempunyai subsidiari, hanya mempunyai satu atau dua kegiatan ekonomi, tiada perubahan ketara tahun demi tahun, penglibatan koperasi dalam aktiviti pengambilan risiko adalah terhad dan koperasi masih dalam fasa pembangunan atau kurang aktif.

Berdasarkan analisis awal ini, maka kajian perlu dilaksanakan untuk melihat pelaksanaan pengurusan risiko koperasi di Malaysia. Setiap koperasi perlu menetapkan matlamat dalam merealisasikan visi dan misinya, untuk memastikan bahawa segala unsur yang berkaitan adalah tersedia bagi mengurus pelbagai risiko yang timbul daripada persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah. Sama ada ia risiko strategik, kredit, pasaran, kecairan atau operasi, koperasi sentiasa melaksanakan usaha yang berterusan dalam mengekalkan budaya pengurusan risiko yang teguh dan rangka kerja pengurusan risiko yang bersepadu untuk merebut semua peluang dalam menangani semua ancaman.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. mengenal pasti profil koperasi Tier 1 dan Tier 2 di Malaysia;
2. mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan pengurusan risiko di koperasi;
3. mengenal pasti kesedaran pihak pengurusan terhadap pelaksanaan pengurusan risiko di koperasi; dan
4. mengenal pasti hubungan antara kesedaran pihak pengurusan terhadap keberkesanan pengurusan risiko di koperasi.

SKOP KAJIAN

Kajian ini bermatlamat mengkaji pelaksanaan pengurusan risiko koperasi terhadap kesedaran serta komitmen ke arah pengurusan risiko yang berkesan. Kajian ini melibatkan koperasi yang diklasifikasikan oleh SKM di bawah koperasi Tier 1 dan koperasi Tier 2 di Malaysia kerana koperasi-koperasi tersebut telah dikenal pasti mempunyai tahap risiko yang lebih tinggi berbanding koperasi Tier 3.

SOROTAN KAJIAN

Pengurusan risiko adalah semua aktiviti pengurusan yang proaktif dalam sesuatu program yang bertujuan untuk menampung kemungkinan kegagalan unsur-unsur dalam program ini (Irzan, 2012). Rejda (2005) pula mentakrifkan pengurusan risiko adalah satu proses mengenal pasti pendedahan kerugian yang akan dihadapi oleh sesebuah organisasi dan memilih teknik yang paling sesuai untuk memperlakukan pendedahan tersebut.


Pengurusan risiko organisasi (*Enterprise Risk Management / ERM*) merupakan satu pendekatan berstruktur untuk menguruskan ketidaktentuan yang berkait dengan ancaman dan kesan dari aktiviti manusia, yang mana termasuk penilaian risiko serta membangunkan strategi dalam menguruskan risiko dan mengurangkan risiko dengan menggunakan sumber-sumber pengurusan yang ada (Irzan, 2012).

Pengurusan risiko saling berkait rapat dengan risiko dengan mengambil langkah individu atau organisasi untuk mengawal, mengelak dan mengurangkan kesan negatif risiko tersebut. Menurut Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, (IFSB, 2005) strategi yang perlu diambil dalam mengendalikan risiko terbahagi kepada lima proses iaitu mengenal pasti risiko (*risk identification*), mengukur risiko (*risk measurement*), menilai risiko (*risk evaluation*), mengawal risiko (*risk control*) dan pemantauan risiko (*risk monitoring*).

Bil.	Proses Pengurusan Risiko	
1.	Identifikasi i risiko (<i>risk identification</i>)	Risiko terdiri daripada semua kemungkinan bahaya atau faktor-faktor risiko yang berkaitan dengan operasi organisasi (Tummala dan Leung, 1996).
2.	Pengukuran risiko (<i>risk measurement</i>)	Tujuan proses pengurusan risiko adalah untuk mengurangkan risiko ke tahap yang minima manakala pengukuran risiko seperti batu asas kepada kawalan risiko yang bakal dijalankan (Startiene dan Remeikiene, 2007).
3.	Penilaian risiko (<i>risk evaluation</i>)	Irzan et all. (2012), pengukuran dan penilaian risiko dilihat seolah-olah sama tetapi penting untuk memahami persamaan dan perbezaan diantaranya.
4.	Kawalan risiko (<i>risk control</i>)	Kawalan dan pemantauan risiko adalah sangat penting dalam melihat <i>progress continuously</i> , dan mengambil tindakan yang sewajarnya (Tummala dan Leung, 1996
5.	Pemantauan risiko (<i>risk monitoring</i>).	Manfaat untuk mengemaskini risiko yang telah dikenal pasti dan untuk menjana pengetahuan berkaitan pengukuran yang utama seperti faktor - faktor bahaya (<i>hazard</i>) atau proses pertama iaitu mengenal pasti risiko. (Tummala dan Leung, 1996

RANGKA KERJA PENYELIDIKAN

Rajah 1 di bawah menunjukkan kerangka teori berdasarkan sorotan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan keberkesanan pelaksanaan pengurusan risiko di koperasi:



Rajah 1: Rangka Penyelidikan Keberkesanan Pelaksanaan Pengurusan Risiko Koperasi di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti pelaksanaan pengurusan risiko di koperasi dan kesedaran pengurusan koperasi Tier 1 dan Tier 2. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti profil koperasi Tier 1 dan Tier 2 di Malaysia; mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan pengurusan risiko di koperasi; mengenal pasti kesedaran pihak pengurusan terhadap pelaksanaan pengurusan risiko di koperasi dan mengenal pasti hubungan antara kesedaran pihak pengurusan terhadap keberkesanan pengurusan risiko di koperasi. Secara umumnya, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang menggunakan analisis statistik, ia lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil analisis kajian.

Kajian ini merupakan kajian banci kerana semua koperasi Tier 1 dan Tier 2 dipilih untuk mengambil bahagian. Pada tahun 2014, terdapat sebanyak 13 koperasi Tier 1 dan 27 koperasi Tier 2 yang merupakan koperasi yang mempunyai impak berskala besar dan sederhana dari segi aset, liabiliti, perolehan, modal dan saiz anggota. Responden bagi setiap koperasi terdiri daripada pengurus besar, pengurus dan eksekutif pengurusan atasan koperasi yang terlibat dalam mesyuarat pengurusan atasan sahaja. Sejumlah 256 borang soal selidik telah diedarkan kepada 40 koperasi, dan sebanyak 194 (78%) borang soal selidik telah dikembalikan dengan lengkap. Walaupun tidak semua responden menghantar maklum balas, tetapi ia diwakilkan oleh semua koperasi.

Perisian SPSS Versi 21 digunakan bagi melaksanakan analisis kajian. Oleh kerana data diambil daripada borang soal selidik dalam bentuk data nominal dan ordinal, beberapa jenis kaedah analisis statistik berbentuk deskriptif dan inferensi telah digunakan. Teknik statistik deskriptif digunakan untuk meneliti demografi responden. Bagi mengkaji pelaksanaan, kesedaran, komitmen, dan hubungan yang berkaitan, teknik statistik inferensi digunakan.

Jadual 1: Objektif Kajian dan Kaedah Analisis

Objektif	Kaedah Analisis
1. Mengetahui profil koperasi Tier 1 dan Tier 2 di Malaysia.	Deskriptif
2. Mengetahui keberkesanan pelaksanaan pengurusan risiko koperasi di koperasi.	Tabulasi silang (<i>Cross tabulation</i>)
3. Mengetahui kesedaran pihak pengurusan koperasi terhadap pelaksanaan pengurusan risiko di koperasi	Statistik ringkas
4. Mengetahui hubungan antara kesedaran pihak pengurusan terhadap keberkesanan pengurusan risiko di koperasi	Korelasi

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Koperasi

Kajian ini melibatkan 40 koperasi Tier 1 dan Tier 2 di Malaysia (Sumber: SKM, 2014). Responden terdiri daripada 194 orang staf pengurusan koperasi yang terlibat Mesyuarat Pengurusan koperasi. Jadual 2 menunjukkan koperasi Tier 1 dan Tier 2 mengikut fungsi dengan lebih banyak koperasi Tier 2 berbanding Tier 1 (27 berbanding 13). Dari segi fungsi pula, lebih separuh (23 daripada 40; 58%) merupakan koperasi kredit, manakala bilangan koperasi bagi fungsi-fungsi lain ialah antara satu (Pengguna) hingga lima (Perumahan dan Perladangan).


Jadual 2: Koperasi Tier 1 dan Tier 2 mengikut fungsi

Fungsi	Tier 1	Tier 2	Keseluruhan
Kredit	3	20	23
Perumahan	2	3	5
Perladangan	4	1	5
Perkhidmatan	2	2	4
Perbankan	2	0	2
Pengguna	0	1	1
Keseluruhan	13	27	40

Keberkesanan Pelaksanaan Pengurusan Risiko di Koperasi

Hasil kajian menunjukkan bahawa hanya separuh (20 daripada 40; 50%) koperasi Tier 1 dan Tier 2 mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Risiko, manakala kurang daripada separuh (15 daripada 40; 43%) mempunyai Unit Pengurusan Risiko. Jawatankuasa Pengurusan Risiko dianggotai oleh ALK manakala Unit Pengurusan Risiko dianggotai oleh staf koperasi yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengenal pasti dan mengambil tindakan sewajarnya dalam hal-hal berkaitan pengurusan risiko.

Ini menunjukkan bahawa keberkesanan pelaksanaan pengurusan risiko lebih tinggi dalam kalangan koperasi Tier 1 berbanding Tier 2. Khususnya, 10 daripada 13 (77%) koperasi Tier 1 mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Risiko berbanding hanya 10 daripada 27 (37%) koperasi Tier 2. Sementara itu, 8 daripada 13 (69%) koperasi Tier 1 mempunyai Unit Pengurusan Risiko, berbanding hanya 7 daripada 27 (30%) koperasi Tier 2.



Rajah 2: Keberkesanan Perlaksanaan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Unit Pengurusan Risiko Koperasi

Analisis Kebolehpercayaan Dimensi Kajian

Hasil analisis terhadap kebolehpercayaan bagi setiap dimensi-dimensi yang diukur (rujuk jadual 3) menunjukkan semua komponen setiap dimensi adalah konsisten seperti yang terbukti oleh nilai alpha Cronbach yang tinggi, antara 0.935 (keberkesanan) hingga 0.979 (kesedaran). Ini bermakna, kesemua item bagi setiap dimensi tidak perlu diubah atau digugurkan. Oleh itu, skor bagi setiap item digabungkan menggunakan purata skor bagi mengukur dimensi berkenaan untuk digunakan dalam analisis-analisis seterusnya, iaitu statistik ringkas, perbandingan min, analisis korelasi dan regresi.

Jadual 3: Hasil Analisis Kebolehpercayaan

Dimensi	Bilangan Item	alpha Cronbach
1. Identifikasi	7	0.934
2. Pengukuran	5	0.915
3. Penilaian	8	0.932
4. Kawalan	5	0.932
5. Pemantauan	7	0.932
6. Keberkesanan	11	0.935
7. Kesedaran	32	0.979

Profil Responden

Kajian menunjukkan bahawa bilangan responden lelaki (114, 58.8%) dalam kajian ini melebihi bilangan responden wanita (80, 41.2%). Ini mewakili keadaan sebenar berdasarkan pemerhatian penyelidik, didapati bahawa lebih ramai lelaki berbanding wanita yang menjawat jawatan pengurusan tertinggi koperasi. Sebanyak 60.3% responden berusia antara 36 hingga 55 tahun manakala 8.8% berusia 56 tahun ke atas. Selain itu, golongan muda berusia 25 tahun kebawah hanya 5.7 peratus. Ini menunjukkan pengurusan tertinggi koperasi terdiri daripada mereka dalam lingkungan antara 36 hingga 55 tahun.

Secara amnya, pengurusan tertinggi koperasi terdiri daripada mereka yang berpendidikan tinggi. Majoriti (120, 61.9%) mempunyai kelulusan ijazah ke atas manakala hampir satu perempat mempunyai kelulusan diploma (24.7%). Sebaliknya hanya sebilangan kecil (26, 13.4%) mempunyai kelulusan sehingga STPM sahaja. Dari segi jawatan pula, menunjukkan paling ramai di kalangan sampel kajian terdiri daripada eksekutif (90, 46.4%) diikuti oleh pengurus (79, 40.7%), dan pengurus besar (25, 12.9%). Kumpulan eksekutif terdiri daripada penolong pengurus, pegawai kanan, eksekutif akaun, staf kewangan dan pentadbiran. Berdasarkan latarbelakang responden, mereka dijangka amat maklum tentang pengurusan risiko khasnya dan pengurusan koperasi amnya di koperasi masing-masing.

Kesedaran Pengurusan Koperasi

Secara amnya, kesedaran terhadap pengurusan risiko lebih tinggi dalam pengurusan koperasi Tier 1 berbanding koperasi Tier 2 (Jadual 4). Bagi koperasi Tier 1, kesedaran melebihi 4.0 dan tidak jauh berbeza antara proses, iaitu antara 4.10 (kawalan) sehingga 4.17 (pengukuran). Sebaliknya, bagi koperasi Tier 2, kesedaran dibawah 4.0 bagi kesemua lima proses pengurusan risiko dan agak berbeza antara satu sama lain. Kesedaran paling rendah ialah pemantauan (3.75), manakala paling tinggi adalah pengukuran (3.98). Khususnya, perbezaan kesedaran paling ketara antara koperasi Tier 1 dan Tier 2 ialah proses pemantauan (0.41), diikuti oleh identifikasi (0.3). Perbezaan bagi proses lain tidak begitu ketara, terutamanya bagi pengukuran (0.18).

Jadual 4: Kesedaran Pengurusan Koperasi

Proses Pengurusan Risiko Koperasi	Tier Koperasi		Perbezaan skor
	Tier 1	Tier 2	
	Min Skor		
1. Identifikasi	4.14	3.84	0.30
2. Pengukuran	4.17	3.98	0.18
3. Penilaian	4.16	3.88	0.28
4. Kawalan	4.10	3.87	0.24
5. Pemantauan	4.16	3.75	0.41

Skala: 1: Sangat Tidak Bersetuju, 2: Tidak Bersetuju, 3: Kurang Bersetuju, 4: Bersetuju, 5: Bersetuju

Perbezaan kesedaran antara Tier 1 dan Tier 2 memang dijangka kerana ciri-ciri koperasi yang berbeza. Koperasi Tier 1 merupakan koperasi mempunyai impak yang besar, maka penyeliaan dan penilaian risiko secara berterusan dilaksanakan oleh pihak SKM. Seorang pegawai SKM bertanggungjawab sebagai Pengurus Perhubungan bagi setiap koperasi Tier 1. Ini secara tidak langsung menyebabkan pihak pengurusan koperasi Tier 1 lebih peka terhadap proses pengurusan risiko. Sebaliknya, bagi koperasi Tier 2 pula, penyeliaan risiko dibuat secara berkala oleh pihak SKM iaitu antara dua hingga lima tahun dan tiada pegawai SKM dilantik khusus untuk memantau koperasi-koperasi tersebut.

i. Identifikasi Risiko

Jadual 5 menunjukkan kesedaran terhadap tiga aspek pengurusan risiko berikut adalah tinggi, iaitu, “koperasi mengenalpasti risiko berdasarkan impak terhadap koperasi” mempunyai min skor tertinggi iaitu 4.06, diikuti “koperasi mengenalpasti setiap risiko yang berkaitan dengan objektif koperasi” dengan min skor 4.04, dan “koperasi mengenalpasti risiko berdasarkan sumber risiko tersebut” dengan min skor 4.02. Ini menunjukkan kesedaran terhadap proses untuk mengenalpasti risiko berdasarkan aktiviti yang mempunyai impak besar dan boleh menjejaskan pencapaian objektif koperasi serta dari mana punca sumber sesuatu risiko itu boleh berlaku. Proses yang mendapat skor terendah ialah kewujudan prosedur (3.76) serta amalan mengaplikasikan prosedur berkenaan bagi mengenalpasti risiko secara sistematik (3.80). secara amnya, pengurusan risiko di koperasi-koperasi berkenaan masih pada yang belum memuaskan kerana tanpa prosedur yang mantap, pengurusan risiko tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan baik.

Jadual 5: Identifikasi Koperasi

Item	Identifikasi	Tier Koperasi		
		Tier 1	Tier 2	Keseluruhan
		Min Skor		
1.	Koperasi mengenalpasti risiko berdasarkan impak terhadap koperasi	4.22	3.98	4.06
2.	Koperasi mengenalpasti setiap risiko yang berkaitan dengan objektif koperasi	4.23	3.95	4.04
3.	Koperasi mengenalpasti risiko berdasarkan sumber risiko tersebut.	4.18	3.94	4.02
4.	Koperasi mengenalpasti risiko berdasarkan apa yang akan berlaku	4.18	3.94	4.02
5.	Koperasi menyemak dan mengubah profil risiko	4.05	3.79	3.88
6.	Koperasi mengaplikasikan prosedur bagi mengenalpasti risiko	4.03	3.68	3.80
7.	Koperasi menyediakan prosedur bagi mengenalpasti risiko secara sistematik	4.08	3.60	3.76

Skala: 1: Sangat Tidak Bersetuju, 2: Tidak Bersetuju, 3: Kurang Bersetuju, 4: Bersetuju, 5: Bersetuju

ii. Pengukuran Risiko

Secara keseluruhannya, kesedaran terhadap “risiko koperasi dianalisis berdasarkan impak kewangan” mempunyai min skor tertinggi iaitu 4.20. Kesedaran terhadap pengukuran risiko lebih dititikberatkan kepada sesuatu aktiviti yang boleh memberi impak besar kepada kedudukan kewangan koperasi. Seterusnya, perkara yang diberi penekanan dalam proses pengukuran sesuatu risiko adalah “risiko koperasi dianalisis berdasarkan kesan kepada koperasi” dengan min skor 4.08, diikuti “risiko koperasi dianalisis berdasarkan impak terhadap reputasi” dengan min skor 4.02 dan “risiko koperasi dianalisis berdasarkan pencapaian objektif” dengan min skor 3.97.

Jadual 6: Pengukuran Risiko

Item	Pengukuran Risiko	Tier Koperasi		Keseluruhan
		Tier 1	Tier 2	
		Min Skor		
1.	Risiko koperasi dianalisis berdasarkan impak kewangan.	4.31	4.14	4.20
2.	Risiko koperasi dianalisis berdasarkan kesan kepada koperasi	4.15	4.04	4.08
3.	Risiko koperasi dianalisis berdasarkan impak terhadap reputasi.	4.12	3.97	4.02
4.	Risiko koperasi dianalisis berdasarkan pencapaian objektif	4.18	3.86	3.97
5.	Risiko koperasi dianalisis berdasarkan kebarangkalian kejadian.	4.06	3.90	3.95

Skala: 1: Sangat Tidak Bersetuju, 2: Tidak Bersetuju, 3: Kurang Bersetuju, 4: Bersetuju, 5: Bersetuju

Walaupun menunjukkan min skor terendah, tetapi masih memuaskan iaitu “risiko koperasi dianalisis berdasarkan kebarangkalian kejadian” dengan min skor 3.95. Ini bermakna, koperasi juga memberi penekanan kepada kemungkinan kebarangkalian sesuatu kejadian berlaku.

iii. Penilaian Risiko

Berdasarkan Jadual 7 menunjukkan proses penilaian risiko, “koperasi mengumpul maklumat risiko sebelum membuat keputusan mengenai tindakan yang akan diambil” mempunyai min skor tertinggi iaitu 4.09. Koperasi sedar bahawa mengumpul maklumat yang secukupnya adalah penting dalam proses membuat keputusan untuk menguruskan risiko. Seterusnya “koperasi menganalisis dan menilai peluang dalam mencapai objektif koperasi” mempunyai min skor kedua tertinggi iaitu 4.07, diikuti “kepentingan *stakeholders* (pemegang taruh) adalah penting dalam “menilai risiko yang dihadapi oleh koperasi” dengan min skor 4.03 dan “tindakbalas

koperasi dalam menganalisis risiko termasuk menyusun risiko mengikut keutamaan serta memilih risiko yang memerlukan perhatian segera pihak pengurusan”(4.02). Min skor terendah (3.66) ialah bagi kenyataan “koperasi memahami kekuatan dan kelemahan sistem pengurusan risiko koperasi lain yang bekerjasama dengannya”. Secara amnya, kesedaran terhadap penilaian risiko yang melibatkan koperasi lain boleh memberi kesan kepada sesuatu koperasi.

Jadual 7: Penilaian Risiko

Item	Penilaian Risiko	Tier Koperasi		Keseluruhan
		Tier 1	Tier 2	
		Min Skor		
1.	Koperasi mengumpul maklumat risiko sebelum membuat keputusan mengenai tindakan yang akan diambil.	4.20	4.04	4.09
2.	Koperasi menganalisis dan menilai peluang dalam mencapai objektif koperasi.	4.26	3.97	4.07
3.	Kepentingan <i>stakeholders</i> (pemegang taruh) adalah penting dalam menilai risiko yang dihadapi oleh koperasi.	4.25	3.92	4.03
4.	Tindakbalas koperasi dalam menganalisis risiko termasuk menyusun risiko mengikut keutamaan serta memilih risiko yang memerlukan perhatian segera pihak pengurusan.	4.17	3.94	4.02
5.	Tindakbalas koperasi dalam menganalisis risiko termasuk penilaian terhadap kos dan faedah menguruskan risiko.	4.12	3.91	3.98
6.	Tindakbalas koperasi dalam menganalisis risiko termasuk penilaian keberkesanan kawalan yang sedia ada.	4.14	3.88	3.96
7.	Tindakbalas koperasi dalam menganalisis risiko termasuk menyusun kaedah pengurusan risiko mengikut keutamaan berdasarkan sumber yang terhad.	4.18	3.83	3.95
8.	Koperasi memahami kekuatan dan kelemahan sistem pengurusan risiko koperasi lain yang bekerjasama dengannya.	3.92	3.53	3.66

Skala: 1: Sangat Tidak Bersetuju, 2: Tidak Bersetuju, 3: Kurang Bersetuju, 4: Bersetuju, 5: Bersetuju

iv. Kawalan Risiko

Jadual 8 menunjukkan min skor bagi proses kawalan risiko. Mereka yakin bahawa “koperasi memahami risiko yang boleh ditangani dalam mencapai objektif”(4.01) dan “koperasi menggunakan kaedah pemindahan risiko dalam menguruskan risiko (contoh: insurans)”. Ini bermakna, kesedaran terhadap kawalan risiko lebih tertumpu kepada menangani risiko yang boleh memberi kesan kepada pencapaian objektif koperasi.

Jadual 8: Kawalan Risiko

Item	Kawalan Risiko	Tier Koperasi		
		Tier 1	Tier 2	Keseluruhan
		Min Skor		
1.	Koperasi memahami risiko yang boleh ditangani dalam mencapai objektif.	4.18	3.92	4.01
2.	Koperasi menggunakan kaedah pemindahan risiko dalam menguruskan risiko (contoh: insurans)	4.14	3.93	4.00
3.	Koperasi mengurangkan sebarang risiko sebagai kaedah pengurusan risiko (mengawal risiko tertentu)	4.15	3.91	3.99
4.	Koperasi mengambil keputusan untuk mengelak sebarang risiko sebagai kaedah pengurusan risiko.	4.09	3.86	3.94
5.	Koperasi menggunakan pelbagai kaedah pengurusan risiko dalam menerima dan mengekalkan risiko yang ada.	3.95	3.72	3.80

Skala: 1: Sangat Tidak Bersetuju, 2: Tidak Bersetuju, 3: Kurang Bersetuju, 4: Bersetuju, 5: Bersetuju

Koperasi perlu mengambil langkah-langkah berikut dalam mengawal risiko: “menggunakan kaedah pemindahan risiko” (4.00), diikuti “mengawal risiko tertentu” (3.99) dan “mengelak sebarang risiko” (3.94). Min skor terendah (3.80) adalah terhadap kenyataan “koperasi menggunakan pelbagai kaedah pengurusan risiko dalam menerima dan mengekalkan risiko yang ada”. Ini bermaksud, secara purata koperasi kurang menggunakan pelbagai kaedah dalam menguruskan risiko.

v. Pemantauan Risiko

Hasil analisis pemantauan risiko, Jadual 9 menunjukkan bahawa “pihak pengurusan koperasi sedia menerima segala maklumbalas berkaitan risiko”(4.15). Ini menunjukkan pihak pengurusan koperasi sentiasa terbuka dalam menerima segala maklumbalas berkaitan risiko bagi memastikan risiko dapat ditangani dengan sewajarnya. Seterusnya “mengawasi keberkesanan pengurusan risiko adalah penting dalam laporan pengurusan koperasi”(4.06), diikuti “pengawasan risiko koperasi bersesuaian dengan risiko yang dihadapi”(3.91).

Jadual 9: Pemantauan Risiko

Item	Pemantauan Koperasi	Tier Koperasi		
		Tier 1	Tier 2	Keseluruhan
		Min Skor		
1.	Pihak pengurusan koperasi sedia menerima segala maklumbalas berkaitan risiko.	4.43	4.01	4.15
2.	Mengawasi keberkesanan pengurusan risiko adalah penting dalam pelaporan pengurusan koperasi.	4.32	3.92	4.06
3.	Pengawasan risiko koperasi bersesuaian dengan risiko yang dihadapi.	4.17	3.78	3.91
4.	Koperasi mempunyai petunjuk khusus dalam memantau risiko secara berterusan.	4.05	3.67	3.79
5.	Koperasi sentiasa menyemak dan mengawasi program pengurusan risiko.	4.08	3.63	3.78
6.	Koperasi ini mempunyai petunjuk khusus dalam memantau untuk mengaplikasikan kaedah pengurusan risiko.	4.03	3.62	3.76
7.	Koperasi ini mempunyai petunjuk khusus dalam memantau keberkesanan kaedah pengurusan risiko.	4.03	3.60	3.74

Skala: 1: Sangat Tidak Bersetuju, 2: Tidak Bersetuju, 3: Kurang Bersetuju, 4: Bersetuju, 5: Bersetuju

Hasil analisis menunjukkan min skor terendah (3.74) adalah bagi “koperasi ini mempunyai petunjuk khusus dalam memantau keberkesanan kaedah pengurusan risiko”. Ini menunjukkan tidak semua koperasi mempunyai petunjuk khusus dalam memastikan pemantauan kaedah pengurusan risiko yang berkesan.

Hubungkait antara Kesedaran Pihak Pengurusan terhadap Keberkesanan Pengurusan Risiko

Jadual 10 menunjukkan hasil analisis korelasi antara kesedaran pihak pengurusan dengan keberkesanan pengurusan risiko di koperasi. Didapati proses kawalan ($r = 0.442$), penilaian ($r = 0.427$) dan identifikasi (0.423) adalah tiga proses utama dalam pengurusan risiko yang mempunyai kaitan tertinggi dengan keberkesanan pengurusan risiko. Ini bermakna, keberkesanan pengurusan risiko dikaitkan dengan proses kawalan, penilaian dan identifikasi, manakala pengukuran (0.391) dan pemantauan (0.389) kurang penting. Walau bagaimanapun secara keseluruhannya, korelasi antara kesedaran dan keberkesanan adalah rendah, iaitu tidak mencapai $r = 0.50$.

Jadual 10: Korelasi antara Kesedaran dan Keberkesanan Pengurusan Risiko Koperasi

Proses	<i>r</i>
1. Identifikasi	0.423
2. Pengukuran	0.391
3. Penilaian	0.427
4. Kawalan	0.442
5. Pemantauan	0.389
Keseluruhan	0.453

* ($p < 0.05$) adalah rendah

KESIMPULAN

Kajian ini bermatlamat mengkaji pelaksanaan pengurusan risiko dalam gerakan koperasi di Malaysia. Kajian ini hanya melibatkan 40 koperasi yang diklasifikasikan oleh SKM di bawah koperasi Tier 1 dan koperasi Tier 2 di Malaysia kerana koperasi-koperasi tersebut telah dikenal pasti mempunyai tahap risiko yang lebih tinggi berbanding koperasi Tier 3. Responden terdiri daripada staf pengurusan yang menghadiri mesyuarat pengurusan koperasi. Kajian mendapati bahawa terdapat hanya 50 peratus dalam kalangan koperasi Tier 1 dan Tier 2 mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Risiko, manakala hanya 43 peratus yang mempunyai Unit Pengurusan Risiko. Secara amnya, pelaksanaan pengurusan risiko adalah lebih tinggi dalam kalangan koperasi Tier 1 berbanding Tier 2. Ini terbukti dengan 77 peratus koperasi Tier 1 mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Risiko berbanding hanya 37 peratus di koperasi Tier 2. Sementara itu, 69 peratus koperasi Tier 1 mempunyai Unit Pengurusan Risiko, berbanding hanya 30 peratus di koperasi Tier 2.

Hasil juga mendapati bahawa kesedaran terhadap pengurusan risiko lebih tinggi dalam kalangan pengurusan koperasi Tier 1 berbanding koperasi Tier 2. Bagi koperasi Tier 1, kesedaran adalah tinggi iaitu antara 4.10 (kawalan) sehingga 4.17 (pengukuran). Sebaliknya, bagi koperasi Tier 2 kesedaran masih rendah dan berada di bawah 4.0 bagi kesemua lima proses berkenaan, iaitu antara 3.75 (pemantauan) sehingga 3.98 (pengukuran). Koperasi Tier 1 merupakan koperasi berimpak besar, maka penyeliaan dan penilaian risiko secara berterusan dilaksanakan oleh pihak SKM. Oleh sebab itu, kesedaran koperasi Tier 1 lebih tinggi berbanding Tier 2.

Hakikatnya, pengurusan risiko perlu diterapkan ke dalam budaya koperasi dengan dasar yang berkesan dan program yang diketuai oleh pengurusan yang paling kanan. Koperasi perlu menterjemah strategi, objektif dan operasi, serta memberi komitmen dan tanggungjawab pengurusan, disamping menyokong akauntabiliti, pengukuran prestasi dan ganjaran, sekaligus menggalakkan kecekapan operasi di semua peringkat. Justeru, pengurusan risiko perlu diberi kesedaran dan kefahaman yang lebih meluas terutama di peringkat pengurusan kerana dapat memberi manfaat kepada seluruh koperasi di Malaysia. Ini merupakan antara usaha untuk melahirkan lebih banyak koperasi besar yang berilmu, fleksibel dan memiliki daya tahan yang tinggi seiring dengan perkembangan teknologi moden.

RUJUKAN

- Irzan Ismail., Nik Mutasim Nik Abd Rahman., Mohamad Abdul Hamid., & Fazli Idris. (2012), Assessing employee affective commitment as a mediator on the relationship between risk assessment and effective enterprise risk management (ERM). *Journal of Business and Policy Research*, 7.(3), 60-77.
- Kloman, H.F. (1992), Rethinking risk management. *The geneva papers on risk and insurance*, 17, (64), 299-313.
- Lam, J. (2003). *Enterprise risk management: from incentives to controls*. New Jersey: John Wiley & Sons Inc.
- Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam. (2005). *Guiding principles of risk management For institutions (Other than insurance institutions) offering only Islamic financial service*.
- Lim Chee Chee. (2003). *Pengurusan Risiko dan Insurans*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Nur Fahimah Mohd Razif., & Shamsiah Mohamad. (2011). *Risiko-risiko dalam kewangan semasa: Penilaian daripada perspektif Islam*. 2011. International Conference on Management (ICM 2011). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Prosiding PERKEM VIII, 2013. Jilid 3 1375-1400, ISSN: 2231-962X.
- Rejda, GE. (2005). *Principles of risk management and insurance*. (9th Ed.), Addison Wesley, New York: Pearson Education Inc.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research methods for business: A skill building approach* (5th ed.). West Sussex, UK: John Wiley & Sons Ltd.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2012). *Penyeliaan risiko koperasi priskop*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- Tchankova, L. (2002). Risk identification-basic stage in risk management. *Environmental Management and Health*, 13(3) 290-297.
- The Royal Society. (1992). Risk: Analysis, perception and management. *Report of a Royal Society Study Group*. London: The Royal Society.

- Tummala, VMR., & Leung, YH. (1996). A risk management model to assess safety and reliability risks, *International Journal of Quality and Reliability Management*, 13(8), 53-62.
- Vaughan, EJ. (1997). *Risk management*. United States: John Wiley and Sons, Inc.,
- Warrier, SR., & Chandrashekhar, P. (2007). *Enterprise risk management: From the boardroom to shop floor*. Paper presented at the Asia Pacific Risk and Insurance Conference Tokyo 2006, InfoSys November 2007.
- Webster, RM., & Simon, PW. (2007). *Risk management in action?* Lucidus Consulting Ltd. UK.
- White, D. (1995). *Application of systems thinking to risk management: A review of the literature*. *Management Decision*, 33(10), 35-45.
- Zikmund, W.G. (1997). *Exploring marketing research*, (6th ed.). The Dryden Press, TX. Fort Worth.